

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : DATUK LIANG TECK MENG**  
**[SIMPANG RENGGAM]**  
**TARIKH : 19.05.2015 (SELASA)**

**DATUK LIANG TECK MENG** minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI, KOPERASI DAN KEPENGUNAAN** menyatakan :-

- (a) apakah usaha Kementerian dalam menangani isu berkaitan caj perkhidmatan yang dikenakan oleh pengusaha memandangkan ia dikenakan dengan kadar yang agak tinggi sehingga 10 peratus; dan
- (b) sekiranya ia dianggap sebagai tips kepada perkhidmatan pekerja, bagaimana untuk memastikan caj berkenaan sampai kepada pekerja dan bukannya dikira sebagai keuntungan pengusaha.

**JAWAPAN:**

**Tuan Yang Di-Pertua,**

Caj perkhidmatan mula diperkenalkan pada tahun 1970an dan telah dipraktikkan oleh industri perhotelan & restoran mewah. Kutipan caj ini adalah menggantikan sistem pemberian *tips* yang dilihat tidak praktikal kerana hanya pekerja di barisan hadapan sahaja yang akan menerima *tips* tersebut. Selain itu, caj ini juga merupakan sebahagian daripada upah dan dipersetujui dalam *collective agreement* (CA) (mempunyai kesatuan sekerja) atau *contract of service* (CS) (tidak mempunyai kesatuan sekerja).

Kadar agihan bagi kutipan caj perkhidmatan dan penetapan untuk menghapuskannya adalah mengikut persetujuan antara majikan dan pekerja. Oleh sebab itu, Kerajaan tidak terlibat dengan penetapan kadar dan urusan pemansuhan caj perkhidmatan tersebut.

**Tuan Yang Di-Pertua,**

Untuk makluman, Kerajaan telah memutuskan bahawa buat masa ini pihak industri perhotelan dan restoran yang mempunyai CA dan CS antara majikan dengan pekerja sahaja yang boleh mengenakan caj perkhidmatan. Namun, pihak hotel dan restoran perlu memaparkan notis di premis perniagaan untuk memberi makluman kepada pengguna mengenai pengenaan caj perkhidmatan tersebut. Melalui pemaparan notis ini, pengguna dapat membuat pilihan sama ada ingin menggunakan perkhidmatan di premis tersebut atau tidak.

Sehubungan itu, pihak industri adalah tertakluk kepada peraturan P.U.(A)79 yang diwartakan pada 23 April 2015 berkenaan Penandaan Caj Perkhidmatan Bagi Hotel dan Restoran di bawah Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan 2011 yang berkuatkuasa pada 1 Mei 2015. Kegagalan peniaga untuk mematuhi peraturan ini boleh dikenakan tindakan di bawah Perkara 5, P.U.(A)79 Perintah Kawalan Harga dan Antipencatutan (Penandaan Caj Perkhidmatan Bagi Hotel dan Restoran) 2015 dan jika disabitkan kesalahan, boleh didenda tidak melebihi RM100,000.00.

Kutipan caj perkhidmatan hendaklah diagihkan kepada pekerja berdasarkan kadar yang telah dipersetujui seperti yang terkandung di dalam CA dan CS. Sekiranya majikan gagal mengagihkan caj perkhidmatan seperti yang dipersetujui dalam CA dan CS, maka pekerja boleh membuat aduan kepada **Jabatan Perhubungan Perusahaan/Mahkamah Perusahaan** atas kesalahan gagal mematuhi CA atau di **Jabatan Tenaga Kerja** kerana gagal mematuhi CS.